

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN :-

## 'Menteri diam, tetapi tetap buat kerja'

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan, semua anggota Jemaah Menteri tetap menjalankan tugas dan kerja masing-masing, walaupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berkuat kuasa ketika ini.

Perdana Menteri menafikan Menteri Kabinet beliau berehat sepanjang tempoh PKP, sebaliknya mereka diarahkan bertugas dan turun bekerja sambil dipantau beliau sendiri.

"Maka (mereka) bukan diam. Diam tetapi berisi. Ada tugas yang harus mereka jalankan. Saya memantau perjalanan tiap-tiap menteri.

"Akan tetapi mungkin dalam keadaan sekarang ini (PKP), tak banyak kenyataan yang dikeluarkan, maka orang kata 'oh menteri tak kerja', walhal menteri bekerja," katanya dalam rancangan temu bual khas bersama RTM dan Astro Awani yang disiarkan malam tadi.

Perdana Menteri mengakui dalam usaha kerajaan mengawal penularan COVID-19, beliau mengarahkan Menteri Kanan (Pertahanan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, menjadi 'suara kerajaan'.

Katanya, dalam keadaan sekarang, beliau mahu menteri dan rakyat tahu, fokus kerajaan ketika ini adalah menangani segala isu berkaitan wabak COVID-19.

"Fokus kerajaan adalah soal isu COVID-19. Apa langkah yang kita buat, sebab itu saya tentukan hanya ada satu, dua jurucakap. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, dia jurucakap dari sudut kerajaan.

"Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, agak popular sekarang ini ialah kerana bercakap mengenai soal COVID-19. Tiap-tiap hari, jam 5 petang (jam 4 sepanjang Ramadan) orang akan menunggu sidang media.

"Jadi tidak ada terganggu oleh kerana banyaknya jurubicara. Itu sengaja saya buat, supaya tak terganggu tetapi tidak bermakna menteri (lain) tak menjalankan tugas," katanya.

Muhyiddin berkata, walaupun PKP sedang berkuat kuasa, menteri tetap diarah ke pejabat untuk bekerja bagi mengelak banyak kerja tertangguh apabila perintah kawalan itu ditamatkan kelak.

"Masa rehat, dia rehatlah tetapi masa bekerja, dia kena bekerja. Walaupun keadaan sekarang ini dalam PKP, sepatutnya mereka duduk di rumah tetapi saya dah keluarkan arahan, ada kerja harus dilaksanakan, mereka harus ke pejabat.

"Dalam keterbatasan PKP, pun mereka harus menjalankan tugas, kerana saya ingatkan jangan lepas ini bila dah buka (tamat) PKP, maka 'backlog' (tertangguh) tanggungan kerja itu bertimbun kerana sebulan dua tidak bekerja," katanya.

Muhyiddin menambah, arahan turun bertugas seperti biasa turut membabitkan pegawai kerajaan yang disampaikan menerusi Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Katanya, sekarang adalah masa terbaik untuk pegawai kerajaan melihat tugas yang ada dalam kementerian masing-masing, termasuk mana yang harus diutamakan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# 'Penduduk zon hijau jangan leka'

### Kementerian minta masyarakat terus patuhi PKP, bantu perangi wabak

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan mendapati penduduk di zon hijau COVID-19 mula mengambil mudah situasi tiada kes baharu jangkitan yang dilaporkan di kawasan itu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata perkara itu amat membimbangkan pihaknya, ketika usaha memerangi wabak berkenaan masih giat dilaksanakan.

Justeru, beliau mengingatkan masyarakat termasuk di kawasan yang diisytiharkan sebagai zon hijau supaya tidak leka dan kekal mematuhi Perintah Kawalan Per-

gerakan (PKP).

"Kementerian Kesihatan khua-tir masyarakat alpa lalu menga-mbil mudah nasihat yang dike-luarkan kerana memikirkan wa-bak ini hampir selesai.

"Hakikatnya, peperangan menentang musuh yang tidak ke-lihatan ini belum tiba ke peng-hujungnya.

"Virus COVID-19 adalah musuh kita bersama, namun harus di-ingat kelalaian dan sikap ambil mudah masyarakat adalah sekutu kepada virus ini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Sehingga tengah hari kelmarin, sebanyak 66 kawasan dikategori-kan sebagai zon hijau COVID-19 di negara ini.

Perlis menjadi negeri pertama menjadi zon hijau, iaitu bebas da-ripada virus itu selepas merekod-kan kes jangkitan sifar bagi tem-poh melebihi dua minggu.

Sementara itu, kes pulih da-ripada COVID-19 mencatat jumlah hampir dua kali ganda berban-

**Hakikatnya, peperangan menentang musuh yang tidak kelihatan ini belum tiba ke penghujungnya.**

**Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan**



ding kes baharu dilaporkan.

Dr Noor Hisham berkata, se-banyak 99 kes pulih semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dan discaj da-ripada wad kepada 3,762 kes, iaitu 65.5 peratus daripada jumlah ke-seluruhan kes.

Bagi kes baharu, sehingga jam 12 tengah hari kelmarin, Dr Noor Hisham memaklumkan, seba-

bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham memaklum-kan, berlaku dua kes kematian, menjadikan jumlahnya kepada 98 kes, iaitu 1.71 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, kes kematian ke-97 (kes ke-2,354) membabitkan lelaki tempatan berusia 62 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi.

Katanya, lelaki itu dirawat di Hospital Sungai Buloh pada 28 Mac lalu dan disahkan meninggal jam 3.53 pagi semalam.

"Kes kematian ke-98 (kes ke-2,806) membabitkan perempu-an warga Malaysia berusia 62 ta-hun dan mempunyai latar belan-gang penyakit darah tinggi

"Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19, iaitu kes ke-1,346 iaitu anaknya.

"Beliau dirawat di Hospital Kua-la Lumpur pada 22 Mac lalu dan disahkan meninggal pada 24 April jam 5.43 petang," katanya.

## Barisan hadapan dinasihati sentiasa amal langkah pencegahan

**Putrajaya:** Sebanyak 10 daripada 43 kes positif COVID-19 bagi kluster pesakit di bawah pemantauan (PUD) Bali, Indonesia di sebuah pusat perubatan di Kuantan, membabitkan anggota kesiha-tan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdul-lah, berkata sehingga kini, 30 pesakit dirawat di Hospital Teng-gu Ampuan Afzan (HTAA) dan seorang berada di Unit Rawatan

Rapi (ICU).

Katanya, sembilan orang sudah sembuh dan tiga meninggal du-nia, iaitu kes ke-1,575, kes ke-5,064 serta kes ke-4,129.

"Sebanyak 2,301 ujian saringan COVID-19 dijalankan membabit-kan anggota kesihatan dan pesakit dari pusat perubatan ber-kenaan.

"Langkah kawalan penularan jangkitan giat dijalankan dengan kerjasama Kementerian Kesiha-

tan termasuk proses dekontami-nasi dan pemindahan pesakit ke hospital kementerian yang ber-dekatan.

"Ini bagi memastikan pusat pe-rubatan itu selamat dan diyakini bebas daripada jangkitan CO-VID-19," katanya pada sidang me-dia di sini, semalam.

Dr Noor Hisham turut mene-kankan kepentingan bagi anggota kesihatan memakai topeng muka, terutama ketika mengendailkan

kes penyakit seperti influenza (ILI) dan jangkitan pernafasan akut teruk (SARI), selain pemakaian alat perlindungan diri (PPE) yang sesuai ketika melau-kan prosedur klinikal.

"Semua anggota kesihatan dan barisan hadapan dinasihati men-gamalkan langkah pencegahan terutama memastikan tangan sentiasa bersih, mengamalkan pen-jarakan sosial di dalam dan luar tempat kerja serta pemakaian PPE

mengikuti keperluan," katanya.

Kes indeks bagi kluster Bali, iaitu kes ke-4,684 mempunyai se-jarah perjalanan ke Bali, Indo-nesia.

Kes indeks berkenaan mempun-yai kontak rapat dengan kes ke-1,575, iaitu abang kepada kes indeks yang dimasukkan ke wad SARI pusat perubatan berkenaan pada 19 Mac lalu dengan gejala demam dan jangkitan saluran per-nafasan.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

## JKNS akan segera laksana ujian saringan

**GOMBAK** - Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) akan segera melaksanakan ujian saringan koronavirus (Covid-19) kepada semua penduduk di kawasan Selayang Baru di sini yang terlibat dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ia bagi tujuan mengenal pasti individu yang positif Covid-19.

Beliau berkata, kerajaan negeri bersetuju dengan ketetapan Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang melaksanakan PKPD di beberapa kawasan di Selayang Baru.

"Fokus utama pelaksanaan PKPD di sebahagian kawasan Selayang Baru ini antara lain adalah untuk mengenal pasti kelompok warga asing yang per-



**Petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyalurkan makanan kepada penduduk PKPD Selayang Baru, Gombak semalam.**

lu disaring dan seterusnya dikuarantin jika didapati positif," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kawasan itu kebanyakannya menempatkan rumah pekerja warga asing yang bekerja di Pasar Harian Selayang dan Pasar Borong Kuala Lumpur.

### Kawasan Selayang Baru yang dikenakan PKPD (berkuat kuasa 25 April - 3 Mei 2020)

<b>Zon A</b>	Jalan Indah 3 dan Jalan Indah 5A, Selayang Indah, Gombak.
<b>Zon B</b>	Jalan Indah 21, Lembah Indah, Selayang Baru, Gombak.
<b>Zon C</b>	Jalan Besar Selayang Baru, Jalan 1 dan Jalan Indah 21, Selayang Baru, Gombak.
<b>Zon D</b>	Jalan 3, 5, 7 dan 9, Selayang Baru, Gombak.
<b>Zon E</b>	Jalan 2, 4, 6 dan 8, Selayang Baru, Gombak.
<b>Zon F</b>	Blok A, B dan C, Selayang Makmur, Gombak.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# 43 positif kluster PUI Bali

10 kes turut melibatkan kakitangan kesihatan pusat perubatan di Kuantan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN dan HIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan terdapat 43 kes positif wabak koronavirus (Covid-19) bagi kluster Bali di sebuah pusat perubatan di Kuantan, Pahang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 10 kes daripadanya membabitkan kakitangan kesihatan.

Menurutnya, sebanyak 2,301 ujian saringan Covid-19 telah dijalankan melibatkan kakitangan kesihatan dan pesakit dari pusat perubatan tersebut.

"Langkah-langkah kawalan penurunan jangkitan Covid-19 sedang giat dijalankan dengan kerjasama rapat KKM termasuk proses dekontaminasi dan pemindahan pesakit ke hospital

KKM berdekatan.

"Daripada 43 yang disahkan positif itu, seramai 30 orang sedang dirawat di wad Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Pahang, sembilan telah sembuh, seorang sedang dirawat di unit rawatan rapi dan tiga orang lagi telah disahkan meninggal dunia," katanya pada sidang akhbar harian berkaitan jangkitan Covid-19 di Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Beliau memberitahu, KKM turut mengingatkan semua anggota kesihatan kerajaan dan swasta supaya sentiasa menggunakan topeng muka terutamanya ketika mengendalikan kes-kes *Influenza Like Illness* (ILI) atau *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI).

"Pemakaian alat pelindungan diri (PPE) yang sesuai semasa melakukan sebarang prosedur klinikal juga adalah amat penting," katanya.

Sementara itu, kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor Mansion, Kuala Lumpur terus merekodkan pertambahan kes positif Covid-19 apabila 20 kes baharu lagi dikesan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, ia menjadikan bilangan keseluruhan kes di



Dr Noor Hisham ketika sidang akhbar harian berkaitan jangkitan Covid-19 di Kementerian Kesihatan, Putrajaya semalam.

kawasan itu meningkat kepada 166.

"Kawasan PKPD lain yang turut berlaku pertambahan ialah Pusat Bandar Utara dan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur iaitu sebanyak 10 kes.

"Selain itu, PKPD Malayan Mansion turut merekodkan tiga lagi kes baharu dan satu kes di Kampung Sungai Lui," kata beliau.

## Kes pulih terus melonjak

PUTRAJAYA - Bilangan kes yang discaj setakat jam 12 tengah hari semalam adalah hampir dua kali ganda bilangan kes positif wabak koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bilangan pesakit pulih sepenuhnya dan dibenarkan discaj dari wad ialah seramai 99 orang berbanding 51 kes baharu direkodkan.

Dr Noor Hisham berkata, penurunan memberangsangkan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif sembuh dan discaj meningkat kepada 3,762 kes atau 65.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.


"Sehingga jam 12 tengah hari (semalam), sejumlah 51 kes baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 5,742 kes.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 1,882 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan," katanya pada sidang akhbar berkaitan jangkitan Covid-19 di Kementerian Kesihatan di sini semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham turut memaklumkan terdapat dua kematian baharu direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian sebanyak 98 kes.

"Kedua-dua kematian baharu itu melibatkan warganegara Malaysia berumur 60 tahun ke atas dan mempunyai latar belakang penyakit kronik," katanya.

## SITUASI TERKINI KES COVID 19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

## 20,000 ujian Covid-19 sehari

Malaysia berupaya tambah bilangan pengesanan jangkitan Covid-19 mulai minggu depan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN  
dan HIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

**K**adar keupayaan bagi ujian koronavirus (Covid-19) yang dilaksanakan di Malaysia akan meningkat sehingga 20,000 sehari bermula minggu depan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, peningkatan keupayaan ujian tersebut berbanding 16,000 sehari sebelum ini boleh berlaku apabila sebanyak 200,000 kit ujian pengesanan antigen yang ditempah dari Korea Selatan tiba minggu depan.

Menurutnya, kit ujian pengesanan berkenaan sepatutnya tiba kelmarin, namun mengalami sedikit kelewatan.

"Jumlah ujian sehari pada 24 April adalah sebanyak 14,997, jadi keupayaan untuk melaksanakan ujian menggunakan kaedah molekular diagnostik menerusi ujian *real time polymerase chain reaction* (RT-PCR) adalah 16,380 untuk setiap hari.

"Jadi kapasiti atau keupayaan untuk ujian kita telah dipertingkatkan.

"Kalau minggu depan kita dapat 200,000 lagi kit ujian dari Korea, ia akan meningkatkan lagi keupayaan ujian ke 20,000 sehari," katanya pada sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Beliau berkata, dari segi pencapaian ujian saringan yang dilakukan di Ma-



Dua petugas perubatan sedang mengambil sampel dari tekak seorang kanak-kanak yang hadir membuat saringan Covid-19 di Shah Alam baru-baru ini.

laysia setakat ini ia dilihat telah memadai.

"Dalam perbincangan kita dengan pasukan pakar perubatan negara China dari Guangdong, terdapat 110 juta penduduk dan saringan mereka ialah 30,000 sehari. Jadi kita dah capai 16,000 ujian sehari," katanya.

Beliau berkata, hasil ujian pengesanan kes positif Covid-19 yang dilaksanakan di negara ini lebih baik berbanding kadar ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO).

"Sebagaimana disarankan

WHO, kalau kita laksanakan saringan untuk 10 kes tetapi ada lebih daripada satu kes positif, bermakna banyak lagi kes yang dikesan. Jadi sekurang-kurangnya kita kena kesan 10 peratus (positif).

"Kalau kita lihat dari segi pengesanan, Malaysia telah melaksanakan saringan atau ujian sampel sebanyak 132,361 individu dan yang positif ialah 5,742 iaitu bersamaan dengan 4.34 peratus iaitu lebih baik daripada tanda aras yang ditetapkan WHO," katanya.

Foto SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

## Rawatan pesakit kronik di hospital kerajaan berterusan

**PUTRAJAYA** - Khidmat rawatan pesakit kronik di semua hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih berterusan meskipun dalam keadaan krisis wabak koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sekiranya terdapat penangguhan rawatan, ia adalah atas faktor lain bukannya disebabkan isu jangkitan Covid-19.

“Perkhidmatan rawatan pesakit adalah berterusan di hospital-hospital kementerian kesihatan. Jadi mungkin pertangguhan bukan sebab Covid-19 tapi mungkin ada sebab-sebab yang lain.

“Perkhidmatan kita pada rakyat masih berterusan iaitu mereka yang menerima rawatan kemoterapi dan sebagainya diteruskan,” katanya pada sidang

akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Beliau menjawab pertanyaan mengenai laporan media asing bahawa terdapat pesakit kronik di Malaysia mendakwa terpaksa menangguhkan rawatan pesakit kanser untuk 15 hari kerana hospital perlu merawat pesakit Covid-19.

Dr Noor Hisham berkata lagi, penangguhan rawatan pesakit kanser boleh berlaku sekiranya terdapat masalah pada darah.

“Untuk pesakit kanser, biasanya kalau kita ambil darah dan ujian menunjukkan tak sesuai untuk kita beri kemoterapi tersebut, kita tangguhkan.

“Jadi kemoterapi atau rawatan ditangguhkan mungkin sebab lain bukan sebab hospital tutup atau jangkitan Covid-19,” katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally (As of 7pm April 25, 2020)											New cases		Total cases		Total deaths		Total recovered	
Malaysia											51	5,742	98	3,762				
Asean+	India	Japan	Singapore	S. Korea	Indonesia	Philippines	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos						
Confirmed cases	24,530	12,829	12,693	10,718	8,607	7,294	2,907	270	144	138	122	19						
Deaths	780	345	12	240	720	494	51	0	5	1	0	0						
Recovered	5,498	1,530	956	8,635	1,042	792	2,547	225	9	121	117	7						
Global Top 10	US	Spain	Italy	France	Germany	UK	Turkey	Iran	China	Russia								
Confirmed cases	925,758	219,764	192,994	159,828	155,054	143,464	104,912	89,328	82,816	74,588								
Deaths	52,217	22,524	25,969	22,245	5,767	19,506	2,600	5,650	4,632	681								
Recovered	110,432	92,355	60,498	43,493	109,800	N/A	21,737	68,193	77,346	6,250								

# PM: Now not the time for politics

'My focus is on combating the pandemic and getting the economy going'

By JO TIMBUONG and ASHLEY TANG  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Tan Sri Muhyiddin Yassin says his focus now is on combating the Covid-19 pandemic, and not politics, at a time when the country faces a loss of RM2.4bil a day due to Malaysians not working in adherence to the movement control order (MCO).

Noting that Malaysians were sick of politics, the Prime Minister said they only wanted to know what the government was doing to solve the country's problems.

"Since I became Prime Minister, I have not thought about politics. Malaysians do not want to hear about it anymore, they are sick of it. They want to know what the government, the Prime Minister and the Cabinet Ministers are doing to tackle issues affecting them," he said.

These were the reasons why he had not commented on politics.

"Otherwise people might say he (Muhyiddin) is talking about his party, his coalition, his government, his legitimacy even before solving

the Covid-19 problem.

"When the time is right for explaining, then we will explain," he said during an interview with Astro Awani and RTM aired over local TV last night.

Muhyiddin also said that the Cabinet Ministers were working, contrary to criticisms that they were not because of the MCO.

"With the MCO, they should be home but I have given an order that the work must continue as normal and they must come to the office," he said.

Maintaining that the government's current focus was on Covid-19, he said the government therefore assigned only two spokespersons to face the public, namely the daily press briefings by Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob and Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

If the MCO was prolonged without proper planning, the economy that Malaysia had built for over six decades would collapse, the Prime Minister said.

"When the government decided to implement the MCO to stop the transmission of Covid-19, we knew



**Making it clear:** Muhyiddin during a special interview at his office at Perdana Putra yesterday.

it was at the cost of paralysing Malaysia's economic growth.

"The fallout was enormous, with RM2.4bil lost per day due to Malaysians not working.

"We had no choice but to make that decision," he added.

Muhyiddin said small businesses

had suffered huge losses while small and medium enterprises (SMEs), small factories, micro and medium-size businesses had all been impacted as they could not operate because of the MCO.

"The government then decided to implement the RM260bil economic

stimulus package," he said.

He assured the business operators that his priority was to ensure that they would be able to survive longer.

Muhyiddin also gave an assurance that the SMEs would remain resilient and sustainable in facing the current economic challenges, especially in cash-flow problems.

Despite the gloom wrought by the pandemic, Muhyiddin said there was a silver lining as Malaysians were getting used to the new normal in embracing digitalisation.

He said there were people selling their products such as vegetables and fish online after conventional logistics were affected by the MCO while others were turning to e-commerce for their grocery shopping.

"In a way, we are hastening the digitalisation process. For example, there had been plans to roll out e-government years ago but I understand that only about 34% have embraced it.

"I have instructed for an immediate roll-out so at least when the people see the government leading the way, they will follow," he said.

## Take health advice seriously, says Health DG

**PETALING JAYA:** The Health Ministry is concerned about Malaysians living in zones free of Covid-19, also known as green zones, becoming complacent.

"Green zone residents are starting to take things lightly because there has not been any new cases reported (in their areas).

"The ministry is concerned that the community is taking our health advice lightly as they think that the virus threat is almost at its end when in fact, the war to fight this unseen enemy has not reached the end," Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (pic) said during his daily press briefing in Putrajaya yesterday.

He urged Malaysians, including those in the green zones, not to be complacent and to continue to obey the movement control order (MCO).

"Covid-19 is our common enemy, but we must remember that negligence and taking things lightly are allies with this virus," he said.

By yesterday, the country reported 51 more Covid-19 cases and two more deaths. This brings the total number of infections to 5,742 and the total death toll to 98.

He also noted that 99 patients were discharged, making the cumulative recovered patients to 3,762 since the outbreak.

"There are currently 36 patients being treated in the intensive care unit, with 16 on ventilator support," he said.

On the antigen rapid test kits from South Korea, he said that with these, the ministry was expected to increase the capacity of Covid-19 testing to about 20,000 a day.

The ministry, he said, had placed an order of 200,000 kits which should have arrived on Friday but had been delayed till next week.

At present, the ministry conducts 16,385 tests a day using the Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (rRT-PCR) technique.

"Yesterday (Friday), we conduct-



ed 14,997 tests, almost 15,000. Our capacity for tests has increased to 16,000," he was quoted as saying by Bernama.

Dr Noor Hisham said to date, the ministry had tested samples from 132,361 individuals with 5,742 or 4.43% of them found to be positive, which was better than the benchmark set by the World Health Organisation of one positive case for every 10 screenings.

He added that discussions conducted with specialists from Guangdong province in China revealed that there were 110 million people there and 30,000 screenings were carried out each day.

He said Malaysia's 16,000 tests a day was thus far adequate.

## Overcrowding during condo mass testing acknowledged

**PETALING JAYA:** Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah has acknowledged that there was overcrowding among the residents of Menara City One condominium in Kuala Lumpur when the ministry team was there to conduct mass testing for Covid-19.

Noting that the overcrowding was "a concern", he said that residents from Block A and Block B had come down to the common area for the testing session on Friday.

"In terms of implementation, we hope to improve and get residents to practise social distancing," he said.

Dr Noor Hisham said the ministry, working together with the police, had managed to calm the situation before social distancing was complied with.

He was replying to a question during his daily press briefing in Putrajaya yesterday.

In an immediate response, the residents, Management Corporation and the management of Menara City One condominium issued a joint statement denying that resi-

dents from Block B had added to the congestion at the common area.

"This conclusion was made after the 12th screening session last night (Friday) whereby Health Ministry personnel requested residents from multiple units and multiple floors to all come at the same time to the common area without any thought of cross-infection, be it while waiting for the lifts, inside the lifts or queuing up for the samples to be taken," they said.

They claimed that the health authorities had jeopardised the health and safety of the residents.

Menara City One condominium in Jalan Munshi Abdullah was placed under enhanced movement control order on March 30 after a positive Covid-19 case linked to the Sri Petaling mosque tabligh cluster, was reported there.

A total of 51 Covid-19 cases have so far been reported in the condominium.

Dr Noor Hisham said there had been no new cases reported in the condominium as of noon yesterday.